

Soalan 1 – 4

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- Remaja perlu bijak mengukur kemampuan dari segi kewangan sebelum _____ sebarang perbelanjaan.
A melakukan
B dilakukan
C berlaku
D berkelakuan
- Ibu bapa perlu memberikan pendedahan awal _____ kepentingan pengurusan kewangan kepada anak mereka.
A terhadap
B tentang
C dengan
D dalam
- Walaupun hidup serba kekurangan, Mak Yam sanggup menanggung _____ bersama suaminya.
A susah senang
B jerih perih
C pahit getir
D susah payah
- Golongan muda digalakkan sentiasa berjimat cermat dan _____ tabiat menabung sebagai persediaan menghadapi saat kecemasan.
A amal
B beramal
C amalan
D mengamalkan

Ulasan
Jawapan PT3 2019

Sistem Bahasa Bahagian A – Soalan 9 Jawapan yang tepat berdasarkan maksud dan struktur ayat yang diberikan ialah D: *dari setahun ke setahun*

Soalan 5

Bahagian yang bergaris dalam ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- Haikal tidak mampu untuk membeli kasut sekolah yang baharu kerana kehidupan keluarganya yang serba kekurangan.
A demi untuk membeli kasut sekolah yang baharu kerana
B untuk membeli kasut sekolah yang baharu oleh kerana
C untuk membeli kasut sekolah yang baharu sebab itu
D untuk membeli kasut sekolah yang baharu kerana

Soalan 6 – 7

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- Remaja harus bijak merancang perbelanjaan
A
sendiri demi memastikan keadaan kewangan
B
masa depan yang kukuh. Tiada kesalahan.
C D
- Aktiviti menyimpan bukan sahaja boleh
A
dilakukan dalam bentuk simpanan wang
B
ringgit, tetapi boleh juga dalam pelaburan
C
saham amanah. Tiada kesalahan.
D